

PM mahu Melayu kikis sekatan minda

4 H A Y 2002

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan bahaya sekatan minda atau *mental block* yang selama ini membelenggu orang Melayu untuk memban-

gun. Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu orang Melayu mengikis sikap itu supaya tidak terpinggir dalam arus revolusi teknologi maklumat (IT), seperti yang dialami pada era revolusi industri sebelum ini.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu juga tidak harus fanatik mengenai bahasa konon belajar bahasa Inggeris menjadikan mereka kurang nasionalis, meskipun hakikatnya bahasa asing itu penting dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Beliau berkata, otak orang Melayu tidak berbeza dengan bangsa lain tetapi yang membezakannya ialah penggunaannya dan pendekatan untuk disesuaikan dengan era IT dan mereka perlu mengikis haiangan sekatan minda.

Katanya, pada era revolusi ICT, ia bagaikan 'pandang permainan sama rata' bagi semua penduduk dunia kerana tiada yang mendapat kelebihan dengan

masing-masing berlumba mengejar ilmu dan menggunakan komputer.

"Oleh itu, bahasa Inggeris kini adalah bahasa ilmu dan tanpa kefasihan dan kefahaman bahasa itu sukar kita menguasai ilmu dan maklumat yang ada.

"Mereka yang menentang penggunaan bahasa Inggeris dan hanya mahu rakyat mahir dalam bahasa Melayu bukan nasionalis sebenarnya.

"Nasionalis sebenar ialah mereka yang mahu melihat bangsanya berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa lain di dunia.

"Ini tidak boleh dicapai jika (rakyat) hanya fasih dalam bahasa Melayu kerana ia tidak mencukupi.

"Dalam keadaan kita belum menerapkan sepenuhnya revolusi industri yang kita tertinggal dulu, sekarang kita terpaksa melalui revolusi IT," katanya dalam ucapan pada perasmian Seminar Pembudayaan ICT di sini, hari ini.

Seminar sehari bertajuk "Menangani Cabaran Ekonomi: Peranan Generasi Muda Ke Arah Pembudayaan ICT" anjuran Pemuda Umno itu dihadiri kira-kira 800 ahli Umno termasuk Puteri, pelajar universiti dan usahawan muda.

Pada majlis itu juga, Dr Mahathir melancarkan IT Pemuda Umno serta menerima sebuah komputer bimbit jenama PC Suria.

Dr Mahathir berkata, rakyat perlu membudayakan ICT dalam kehidupan seharian bagi memastikan negara mampu mengejar bangsa lain dalam era revolusi IT, malah ia juga membolehkan negara mendahului mereka dengan mencipta sesuatu yang terbaru.

Beliau berkata, dalam menghadapi saingan revolusi IT, negara ini tidak mempunyai halangan dari segi kemudahan atau apa yang dikatakan sebagai *physical digital divide* kerana kemudahan itu sudah sedia ada.

Sebaliknya, kata beliau, apa yang menghalangnya ialah *mind set* atau *mind block* penduduknya terutama golongan tua untuk menerima sesuatu yang baru sehingga menyekat pendekatan ke arah menguasai sistem baru itu.

Katanya, orang Melayu tidak sepatutnya mengangap mereka tidak boleh menguasai ilmu itu sama atau lebih daripada orang lain, malah mereka mampu menjadi pencipta daripada pengguna dalam era baru ini.

"Tidak ada kelemahan otak orang Melayu. Yang menjadi sekat adalah minda dan budaya kita. Kita tidak herminat untuk berbuat sesuatu seperti membaca buku atau bekerja kuat dan tekun.

"Sebenarnya yang menjadi mundur, budaya kita yang menyekat kita menguasai ilmu atau kecekapan," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun, Malaysia terkenal sebagai negara membangun yang termaju, sumba-

ngan orang Melayu terhadap pembangunan belum dapat dibanggakan.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri cuba mempraktikkan sikap positif sejajar dengan konsep kepemimpinan melalui teladan seperti balik dari lawatan luar negara terus bekerja walaupun letih clan ramai yang hanya memuji.

"Tak usah puji, ikut cukup," katanya.

Mengenai bahasa Melayu, beliau berkata, nasio-

nalisis yang hanya memperjuangkan satu sudut bahasa bukan nasionalis sebenar kerana nasionalis adalah mereka yang berpendirian untuk membangunkan bangsa secara keseluruhan.

Beliau mengingatkan golongan yang menganggap diri mereka nasionalis yang memperjuangkan bahasa Melayu supaya tidak mempraktikkan sentimen melampau dalam memperjuangkan isu itu.

"Jangan jadi fanatik ba-

hasa, kita nak (hendakkan) ilmu. Kita hidup dalam era maklumat," katanya

Rakyat Malaysia perlu menguasai bahasa yang boleh dimanfaatkan, malah bagi orang Melayu, ia tidak membebankan bagi mereka menguasai dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan Inggeris.

Beliau menarik perhatian kepada orang Cina yang berkeupayaan menguasai kedua-dua bahasa itu, selain bahasa ibunda mereka.